



# KOPI PAHIT

**Nyonya** M. Siraj (Setiausaha Persekutuan Pemudi Islam) dan Che Hamidah (Setiausaha Kaum Ibu UMNO Singapura) dikatakan telah menggalakkan pendapat Cif Qadi Tuan Haji Ali yang menolak perempuan menjadi ahli di dalam lembaga apabila mahkamah syariah yang bakal diadakan di Singapura itu. Sesungguhnya kalau wanita-wanita tergelak di dalam sesuatu perkara tidaklah pelik kerana demikian juga wanita-wanita itu pun mudah pula menangis walaupun di dalam perkara yang terlalu kecil – ini pun tidak pelik – kerana kebiasaan bagi mereka. Sudah ketawa menangis dan sesudah menangis ketawa pula perkara biasa, neng! Mereka mentertawakan galangan Tuan Haji Ali – seolah-olah memandang kolot tetapi wanita-wanita ini lupa siapakah yang layak di antara mereka yang boleh duduk di mahkamah *appeal* itu? Kalau ada tunjukkan supaya sebelum duduk nanti diuji dahulu kebolehannya di dalam hukum syarak! Jangan main-main cari nama atau kerusi neng! Sekarang ketawa di belakang menangis!

\* \* \*

*Lawyer-lawyer* di Singapura dikatakan sudah tidak senang mengapa bahasa yang digunakan di mahkamah syariah yang bakal diadakan di Singapura ialah bahasa Melayu – mengapa tidak bahasa Inggeris! Mereka mengatakan langkah ini menjadikan sebab mereka harus belajar bahasa Melayu! Betul, mereka harus tahu berbahasa Melayu dan mesti belajar bahasa Melayu sebab orang yang dibicarakan umumnya berbahasa Melayu; seorang peguam yang akan hadir itu jangan ambil senang sahaja kerana tidakkah mereka dibayar untuk khidmatnya? Kalau sudah tahu begitu mesti tahu

Melayu. Kalau tidak jangan mahu ‘*julus*’ sahaja sedang tidak mahu bersusah!

\* \* \*

Tengku hendak pergi London kerana menuntut menentukan masa kemerdekaan Malaya. Sebelum pergi itu beliau menyatakan membawa kata bulat di antara “rakyat dan Raja-raja Melayu.”

Apa betulkah sudah ada kata muafakat itu? Soal ini terbitnya ialah nampaknya Sultan Johor sudah tidak senang hati lagi – baginda harus sedang berikhtiar mencari jalan meletakkan Johor keluar daripada Federation. Sebabnya? Tidak lain kebijaksanaan tidak dicari – perasaan nafsu hanya diikut!

\* \* \*

Di dalam Mahkamah Syariah yang bakal ditubuhkan nanti Gabenor akan melantik tujuh orang – tiga orang daripada tujuh orang itu akan diletakkan di dalam lembaga *appeal*. Kerana ini nanti satu peluang yang besar mencari nama sudah tentu peluang-peluang ini akan diambil oleh sebahagian pihak untuk merebut nama atau kerusi sekalipun ia buta kayu di dalam perkara hukum-hukum syarak. Jika terjadi begini jugalah kebinasaannya – kalau sesuatu kerja diserahkan kepada orang-orang yang bukan ahlinya jugalah kebinasaannya – masyarakat binasa dan diri binasa! Sebab itu ingat-ingatlah jangan cari nama kerana membinasakan umat.

\* \* \*

Tegahan dari Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu di Perak terhadap wanita menjadi calon telah dibantah dengan kuat oleh kaum-kaum ibu yang berada di dalam pertubuhan politik – di dalam bantahan-bantahan mereka itu hanya didatangkan tidak memberi persetujuan – sifatnya mengikut perasaan dan hawa nafsu. Cuba beri keterangan agama membahas keterangan-keterangan mereka – bukankah lebih baik? Kalau tak boleh – jangan hanya tahu mengata tak dihujah sama juga seperti orang kalah taruh menang sorak – akhirnya melumu jari – Cemeti al-Farouk